

07 AUG 1998

Mahathir-Masjid

SINGKIRKAN MEREKA YANG PERALATKAN MASJID, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka yang memeralatkan masjid untuk kepentingan diri dan kumpulan mereka harus disingkirkan dengan apa cara sekalipun demi memastikan masjid menjadi tempat yang bermanfaat kepada umat.

Perdana Menteri berkata, masjid dibina untuk manfaat umat Islam tetapi beberapa masjid telah digunakan untuk memecah-belahkan, mengutuk sesama Islam dan membuat tuhmahan yang tidak berasas.

"Kita harus singkirkan mereka dengan apa cara sekalipun," katanya ketika merasmikan Masjid Bukit Aman yang berharga kira-kira RM8.3 juta di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata golongan itu jelas mengutamakan kepentingan lain termasuk politik yang boleh membawa keburukan kepada umat dan bukannya kepentingan agama.

Katanya, di sesetengah tempat terdapat usaha menggunakan masjid untuk mencetuskan huru-hara di negara ini sedangkan ia bertentangan dengan ajaran Islam, dan Allah juga tidak menyukai huru-hara.

"Ini harus dihalang daripada merebak," katanya.

Dr Mahathir berkata khutbah sebagai satu pidato yang amat penting bagi memperingati dan mendalami pengetahuan Islam kadangkala juga telah hilang hikmatnya apabila ada khatib yang memeralatkannya untuk meluahkan rasa kebenciannya terhadap golongan tertentu.

"Ini menafikan hikmat khutbah bagi masyarakat Islam," katanya, sambil berharap khutbah di Masjid Bukit Aman kelak menepati ajaran Islam dan tidak khutbah yang memecah belahkan umat Islam, menjadikan mereka pelampau yang tidak toleran terhadap orang lain atau sesama Islam.

Beliau berkata polis sebagai satu pasukan yang penting perlu memastikan mereka tidak diseleweng ke arah ajaran karut yang bertentangan dengan Islam, kerana itu akan menjadikan mereka tidak lagi berkesan sebagai pasukan pengaman.

"Justeru itu penting kita menjaga supaya masjid ini tidak diguna oleh mereka yang ingin membawa ajaran karut, ajaran yang tidak berasaskan kepada agama Islam kepada umat Islam yang menggunakan masjid ini," kata beliau.

Dr Mahathir berharap jemaah akan mendapat manfaat daripada ajaran Islam yang disebarkan di masjid itu.

Sambil tidak menafikan bahawa umat Islam lemah dan tidak maju kerana ditekan pihak lain, Dr Mahathir berkata bagaimanapun sebahagian sebabnya juga ialah umat Islam sendiri selain golongan yang memeralatkan masjid untuk kepentingan mereka.

"Di negara kita dan juga negara-negara lain terdapat tafsiran mengenai Islam yang tidak berasaskan ajaran Islam... malangnya ramai yang berpendapat bahawa sikap ekstrim dan keterlaluan itu yang dikehendaki oleh Islam," katanya.

Dengan itu mereka sering mengambil tindakan yang tidak sesuai dengan Islam kononnya untuk membuktikan keislaman mereka termasuk dengan membunuh umat Islam yang lain kerana yang dibunuh itu dianggap tidak begitu Islam.

Beliau berkata ada negara-negara Islam yang membuat tafsiran keterlaluan sehingga sanggup menindas orang Islam kononnya atas nama Islam, seperti di sebuah negara yang menindas wanita kerana bagi mereka taraf wanita lebih rendah dan cuma harus mengabdikan diri kepada lelaki sahaja.

Lantaran itu mereka menghalang wanita mengambil bahagian dalam proses pembangunan masyarakat Islam dan melarang wanita mempelajari ilmu yang

penting untuk itu, katanya.

Dr Mahathir berkata kerana bilangan lelaki dan wanita hampir sama, Islam akan kekurangan separuh tenaga umatnya yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan masyarakat apabila wanita diketepikan, ini lebih-lebih lagi kerana bilangan umat Islam memang sudah kurang daripada bilangan penganut agama lain.

"Dengan itu umat Islam menjadi lemah kerana sengaja melemahkan diri... ini adalah satu daripada ajaran yang perlu dikikis dari kalangan kita," katanya.

Beliau berkata di dalam kitab suci Al-Quran banyak ajaran yang membawa kebahagiaan kepada umat jika diamalkan tetapi ia tidak diberi penekanan sepertimana penekanan terhadap perkara-perkara kecil dan yang kadang-kadang membawa kepada perpecahan umat.

Perdana Menteri yang disertai timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan orang kenamaan lain kemudiannya menyertai lebih 2,000 jemaah menunaikan solat fardu Jumaat di masjid itu.

-- BERNAMA

MNY NMO